



**ATEISME DAN RUKUN NEGARA: CABARAN TERHADAP PRINSIP  
KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN DI MALAYSIA**

Seri Khadijah Nazry\*<sup>1</sup>, Wan Humaira Irdina Hafiz Sayuti<sup>1</sup>, Siti Nur Aliah Izzati Kamarol<sup>1</sup>, Syed Muhaimin Asyraf Syed Mohamad Ishamuddin<sup>1</sup> & Nur Aqilah Nasir Hussein<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Dan Perniagaan UiTM Cawangan Melaka  
78000, Alor Gajah Melaka

\*[serikhadijah2105@gmail.com](mailto:serikhadijah2105@gmail.com) (Corresponding Author)

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v7i2.7344>

**Abstrak**

**E-JITU**

Acceptance date:  
15 August 2024

Valuation date:  
17 September 2024

Publication date:  
21 October 2024

*Ateisme sebagai satu fahaman yang menolak kewujudan Tuhan kini semakin mendapat tempat khususnya dalam kalangan belia di Malaysia, sekali gus mencabar prinsip pertama Rukun Negara iaitu "Kepercayaan kepada Tuhan". Kajian ini meneliti faktor penyumbang kepada perkembangan ateisme, kesan sosial dan individu, serta mencadangkan langkah menangani ancaman tersebut. Melalui kaedah kualitatif berbentuk analisis kandungan dan dokumen, kajian ini menghimpunkan pelbagai data daripada jurnal akademik, laporan NGO, kajian kes dan bahan bacaan umum. Hasil dapatan menunjukkan bahawa antara faktor utama penyebaran fahaman ini termasuklah pengaruh ideologi Barat, kelemahan pendidikan agama, serta diskriminasi pentadbiran terhadap golongan tidak beragama. Ateisme turut memberi kesan negatif terhadap keharmonian sosial, kestabilan negara dan ketahanan akidah umat Islam. Antara cadangan yang dikemukakan termasuklah pengukuhan pendidikan agama sejak awal, sokongan psikologi terhadap golongan terkesan, serta pendekatan dialog dan pemulihan secara hikmah oleh institusi agama dan pihak berkuasa. Artikel ini menegaskan bahawa fahaman ateisme perlu ditangani secara holistik kerana ia bukan hanya isu kepercayaan peribadi tetapi juga berkait rapat dengan integriti nilai nasional dan perpaduan masyarakat Malaysia.*

**Kata kunci:** *Ateisme, Rukun Negara, Kepercayaan Kepada Tuhan, Pendidikan Agama, Perpaduan Sosial.*

**ATHEISM AND THE RUKUN NEGARA: CHALLENGES TO THE  
PRINCIPLE OF BELIEF IN GOD IN MALAYSIA**



**Abstract**

*Atheism as a belief system that denies the existence of God is increasingly gaining ground, particularly among youth in Malaysia, thereby challenging the first principle of the Rukun Negara—"Belief in God." This study examines the contributing factors to the rise of atheism, its social and individual impacts, and proposes measures to address this growing concern. Using a qualitative methodology through content and document analysis, the study compiles data from academic journals, NGO reports, case studies, and general literature. Findings indicate that key factors driving the spread of atheism include the influence of Western ideologies, weaknesses in religious education, and administrative discrimination against non-religious individuals. Atheism is also shown to have negative effects on social harmony, national stability, and the resilience of Islamic faith among Muslims. Among the proposed solutions are the strengthening of religious education from an early age, providing psychological support for affected individuals, and promoting dialogue and wise, rehabilitative approaches by religious institutions and authorities. This article emphasizes that atheism must be addressed holistically, as it is not merely a matter of personal belief but is closely tied to the integrity of national values and the unity of Malaysian society.*

**Keywords:** *Atheism, Rukun Negara, Belief in God, Religious Education, Social Cohesion.*

**PENGENALAN**

Malaysia adalah sebuah negara berdasarkan demokrasi parlimen dan monarki perlembagaan, dan ia terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik, agama, dan kebudayaan. Negara ini merangka Rukun Negara pada 31 Ogos 1970 sebagai ideologi kebangsaan dan kewarganegaraan asas untuk mengekalkan kestabilan sosial dan keharmonian di kalangan masyarakat. Lima elemen utama dalam penubuhan moral dan nilai-nilai sivik rakyat dimasukkan ke dalam tiang negeri. Amanah kepada Tuhan adalah salah satu prinsip yang paling penting, kerana ia menekankan bahawa kepercayaan kepada Tuhan adalah pusat kepada perpaduan negara, etika, dan identiti kebangsaan (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Negara, N. D.).

Namun, dalam era moden yang dicirikan oleh globalisasi maklumat dan pengaruh budaya luar, muncul satu aliran pemikiran yang mencabar asas nilai tersebut, iaitu ateisme. Ateisme merujuk kepada kepercayaan atau pandangan bahawa Tuhan tidak wujud, dan oleh itu ia menolak sebarang bentuk ketuhanan atau agama (Baggini, 2003). Pemikiran ateis yang berkembang dalam kalangan generasi muda melalui media sosial, forum intelektual bebas, dan persekitaran sekular antarabangsa, membawa cabaran serius terhadap prinsip "Kepercayaan kepada Tuhan". Kajian oleh Mohd Roslan Mohd Nor et al. (2017) menunjukkan bahawa peningkatan pemikiran ateis dalam kalangan belia boleh melemahkan kefahaman terhadap nilai-nilai keagamaan dan kenegaraan, serta memberi kesan terhadap solidariti sosial.

Dalam konteks Malaysia, penolakan terhadap kepercayaan kepada Tuhan bukan sahaja bercanggah dengan prinsip moral dalam agama-agama utama, malah bertentangan



dengan semangat Rukun Negara yang bertujuan menyatupadukan rakyat melalui nilai-nilai bersama. Justeru, persoalan timbul sama ada ateisme boleh diterima dalam kerangka kebebasan berfikir dan beragama di Malaysia, atau adakah ia perlu ditangani sebagai suatu bentuk ancaman kepada perpaduan dan jati diri kebangsaan. Hal ini mewajarkan analisis yang lebih kritikal terhadap hubungan antara fahaman ateisme dan prinsip kepercayaan kepada Tuhan seperti yang termaktub dalam ideologi Rukun Negara.

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Dalam konteks perkembangan fahaman ateism di Malaysia, beberapa pernyataan masalah yang dikenal pasti dalam isu ini antaranya ialah kurangnya ilmu pengetahuan sehingga menyebabkan kecenderungan untuk mengikut dan mempercayai fahaman yang bertentangan dengan rukun negara yang pertama. Buktinya, fahaman serong ini telah perhatian orang awam setelah terdapat sekumpulan ateis digelar The Atheist Republic Consulate Of Kuala Lumpur, dan ada juga terdapat beberapa laman Facebook yang bergiat aktif dalam menyebarkan tentang asteism kepada masyarakat. Antaranya ialah, Warung Atheis yang mempunyai ahli mencecah 5000 orang dan kumpulan Malaysian Atheist confessions mempunyai 2000 ahli. Selain itu, dapat dikesan juga beberapa blog menyebarkan tentang ateis, iaitu blog Melayu Asteist yang ditulis semenjak 2013. Hal ini amatlah membimbangkan, apatah lagi sifat anak muda yang sememangnya suka akan kebebasan tanpa sebarang kongkongan termasuklah dalam soal agama.

Permasalahan yang kedua ialah kurang pegangan dan didikan agama yang diterapkan dalam diri. Perkara ini sewajarnya dititikberatkan bermula sejak kecil lagi tanpa mengira agama. Setiap agama mempercayai kewujudan tuhan mereka dan menggalakkan amalan baik di dalam urusan seharian mereka. Buktinya, tiada satupun agama yang mengajak kepada perkara kejahatan seperti membunuh, mencuri dan merompak.

Selain itu, perkara ini juga boleh berlaku akibat mengikut arus trend anak muda barat untuk kelihatan lebih maju dan terkenal dan terdapat juga sesetengah anak muda takut ketinggalan trend. Semua konteks diatas menunjukkan bahawa gejala ateisme ini amat bahaya dan membimbangkan di kalangan masyarakat. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa masih terdapat sejumlah golongan yang gagal mematuhi dan memahami prinsip asas rukun negara sekaligus menyebabkan barah dalam generasi baru.

### **SOROTAN LITERATUR**

Menurut Richard Dawkins (2006) dalam bukunya *The God Delusion*, kepercayaan kepada Tuhan tidak berlandaskan bukti empirik dan wajar dipersoalkan melalui pendekatan saintifik. Pandangan ini mencabar konsep tradisional agama yang menekankan kepercayaan tanpa bukti nyata. Dawkins menyatakan bahawa moral dan etika boleh dibentuk tanpa kepercayaan kepada Tuhan, dan nilai-nilai universal boleh wujud dalam masyarakat ateis.

Namun begitu, di Malaysia, Rukun Negara sebagai dasar falsafah negara menekankan "Kepercayaan kepada Tuhan" sebagai prinsip pertama. Ini menunjukkan bahawa identiti



kebangsaan Malaysia dibentuk berdasarkan pengiktirafan terhadap kewujudan Tuhan, tanpa mengira agama yang dianuti. Oleh itu, peningkatan ideologi ateisme boleh dilihat sebagai mencabar asas falsafah negara, yang bukan sahaja merangkumi aspek kepercayaan agama, tetapi juga pembinaan moral dan perpaduan sosial (Yusof & Hashim, 2020). Menurut catatan sejarah Yunani Kuno, Diagoras of Melos merupakan seorang penyair yang dikenali sebagai antara individu terawal yang mempertikai kewujudan dewa-dewi dalam masyarakatnya. Diagoras menolak kepercayaan kepada dewa-dewi Yunani serta ritual keagamaan yang telah mencabar kepercayaan masyarakat Yunani ketika itu, meletakkan agama sebagai asas moral dan perpaduan sosial. Akibat daripada pandangan ini, Diagoras telah dituduh sebagai asebeia atau orang yang kufur dan telah dijatuhkan hukuman mati. Oleh itu, penolakan ideologi keagamaan seperti yang dibawa oleh Diagoras dianggap sebagai ancaman kepada kestabilan sosial dan nilai bersama yang dipegang oleh masyarakat Yunani Kuno. (Exequy, 2011)

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif untuk keseluruhan dapatan. Instrumen yang digunapakai untuk kajian ini adalah analisis dokumen melalui jurnal, pembacaan mendalam dan penyelidikan isu semasa berkaitan ateism. Secara umumnya, terdapat beberapa jurnal utama yang digunakan dalam kajian ini dan turut disokong dengan artikel dan bahan pembacaan yang lain.

Menurut Hsieh & Shannon (2007), analisa dokumen adalah salah satu kaedah kajian selain etnografi, teori berlandas, fenomenologi dan kajian sejarah yang digunakan bagi tujuan menganalisis data dokumen dan temu bual dalam bentuk teks. Maka, kajian ini mengumpulkan data daripada sumber sekunder yang merangkumi sumber daripada jurnal, artikel, dokumen, kajian lepas, laman sesawang dan kajian pemerhatian.

Kaedah-kaedah yang kami gunakan dalam melaksanakan kajian ini dipilih kerana jurnal ilmiah dipercayai mengandungi asas teori yang lebih kukuh dan lebih dipercayai, sekaligus dapat dijadikan sebagai sumber yang sah. Semua maklumat dan dapatan yang kami dapat daripada pembacaan, kami mengaplikasikan di dalam tugas ini. Penjimatan masa dan kos juga menjadi salah satu sebab untuk kami meneruskan kaedah kajian ini. Selain itu, kajian melalui berita, laporan NGO dan artikel juga mengukuhkan lagi konteks yang berlaku adalah berkait rapat dengan realiti dan bernilai praktikal kepada masyarakat.

Kajian ini tidak dijalankan secara kuantitatif seperti menggunakan kaedah pengumpulan data numerik atau statistik perautsan melalui kajian soal selidik kerana kurangnya pengetahuan masyarakat mengenai isu ateism. Tambahan pula, isu ateism dalam negara kita tidaklah menjadi isu yang besar dan membimbangkan sehingga menjadi penulisan utama di dada akhbar, namun tetap harus dibendung dan ditegah daripada berleluasa.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Faktor-Faktor Astesim Dalam Konteks Rukun Negara**

Di dalam bahagian ini, kami memperincikan perbincangan dan analisis berkaitan faktor-faktor yang menyumbang kepada kemunculan permasalahan ateism yang menyebabkan kecenderungan masalah ini. Antaranya, ialah :

i. Prinsip "Kepercayaan Kepada Tuhan" Dalam Rukun Negara.

Prinsip pertama pada Rukun Negara ini telah menjadi asas ideologi kepada masyarakat Malaysia untuk sekian lama yang bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan melalui kepercayaan agama dan moral. Merujuk kepada dokumen rasmi yang dibentangkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia, prinsip ini telah membentuk identiti rakyat Malaysia yang berasaskan dan mengutamakan agama, di mana setiap individu perlu menjadikan agama sebagai panduan moral dan sivik. (Harian, 2020).

Prinsip Rukun Negara ini juga secara tidak langsung telah mengecualikan pandangan ateistik kepada masyarakat kerana ateism sendiri menolak kewujudan Tuhan. Menteri Hal Ehwal Agama, Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, menegaskan bahawa kepercayaan kepada Tuhan membentuk "batasan moral" dan "timbang rasa" dalam perbuatan dan aktiviti harian seseorang, yang dianggap tidak wujud dalam kalangan orang yang memegang fahaman ateis. (UMNO Online, 2020).

Agama Islam juga bertindak sebagai agama Persekutuan dalam Perkara 3(1) Perlembagaan yang mencipta kerangka kerajaan yang mengutamakan identiti agama dalam semua dokumen rasmi seperti kad pengenalan dan sijil kelahiran. Individu yang tidak beragama akan menghadapi kesukaran dalam urusan pentadbiran seperti pendaftaran perkahwinan atau hak pengasuhan terhadap anak. (UMNO Online, 2020)

ii. Diskriminasi Berdasarkan Tafsiran Perlembagaan Negara

Perlembagaan Malaysia yang sedia ada mengandungi perisian yang mencipta ketidakseimbangan hak kepada masyarakat, contohnya pada Perkara 153 “Memberi Keutamaan Kepada Bumiputera Dalam Pendidikan, Ekonomi, dan Perkhidmatan Awam”. Walaupun tidak memetik atau menunjukan kepada atheis secara langsung, perlembagaan ini mencerminkan bahawa Malaysia mengutamakan kelompok beragama terutama muslim sebagai penerima manfaat utama.

Selain itu, Perkara 8(1), “Menjamin Kesamarataan Hak”, menunjukkan walaupun setiap individu berbangsa atau penganut agama lain, semua individu mempunyai hak yang sama rata tanpa mengira latar belakang, tetapi tafsirannya terhad dan tidak terperinci. Contohnya, dalam kes *Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan* (2007), Mahkamah memutuskan bahawa penukaran agama secara rasmi memerlukan pengesahan daripada Mahkamah Syariah, menyukarkan individu yang ingin keluar dari agama Islam. (Malaysian Bar, 2005).

Pengisian agama juga wajib dalam proses pembuatan kad pengenalan di Malaysia, contohnya label agama "Islam" untuk individu yang beragama Islam telah menyebabkan atheis terpaksa memalsukan maklumat atau menghadapi diskriminasi

dalam akses perkhidmatan awam atau subsidi yang disediakan kerajaan perpaduan. (UMNO Online, 2020).

iii. Kelemahan dalam Pendidikan Agama

Kegagalan sistem pendidikan agama di Malaysia yang kurang menumpukan perhatian kepada ajaran akidah telah membawa kepada penularan fahaman ateisme dalam kalangan generasi muda. Hal ini mengakibatkan mereka mudah terpengaruh dengan sains dan pemikiran rasional yang dikemukakan oleh golongan ateis disebabkan tiada asas yang kukuh dalam ilmu tauhid (Wahab, 2020). Misalnya, bahan bacaan yang mudah didapati seperti *The Atheist Muslim* boleh mempengaruhi minda generasi akan datang secara negatif (Musa & Shah, 2020).

Jelaslah bahawa kelemahan dalam pendidikan agama bercanggah dengan nilai Rukun Negara yang menekankan kepentingan pendidikan agama dalam memainkan peranan penting bagi melahirkan generasi yang berpegang teguh kepada agama (Idris, 2016). Justeru itu, pendidikan agama perlu diperkasakan seawal usia agar benteng yang lebih kukuh dapat diwujudkan bagi menentang pengaruh ateisme (Siti Zubaidah Ismail, 2016).

Tambahan lagi, kajian yang menyeluruh dalam mata pelajaran akidah dan akhlak dapat membentuk masyarakat yang tabah dalam menghadapi cabaran fahaman yang bertentangan (Wahab, 2020). Oleh itu, seluruh institusi pendidikan mestilah memainkan peranan dalam mengambil langkah proaktif untuk mengintegrasikan pengajaran agama dalam kurikulum mereka supaya pelajar dapat memahami dan mengenal pasti nilai-nilai agama secara lebih intensif (Hasan Bahrom, 2019). Seperti yang dipertakakan oleh Musa & Shah (2020), pendidikan agama merupakan asas kepada pembinaan akhlak dan nilai murni dalam Masyarakat.

iv. Pengaruh Ideologi Moden Barat

Ateisme telah disebarkan secara meluas oleh falsafah Barat kontemporari seperti sekularisme dan liberalisme yang bercanggah dengan agama tradisional orang Islam (Wahab, 2020). Semasa era penjajahan Tanah Melayu, usaha penjajah Barat untuk merangsang minda umat Islam melalui penyebaran falsafah yang memisahkan agama daripada masyarakat telah memudaratkan akidah (Idris, 2016).

Sebaliknya, pada zaman moden ini, teknologi maklumat kini menjadi instrumen penyebaran ateisme yang menjadi punca kepada isu tempatan dan memberi ancaman buruk kepada nilai Rukun Negara pertama (Musa & Shah, 2020). Hal ini menunjukkan kuasa luar yang bertentangan dengan ajaran Rukun Negara perlu ditangani secara lebih profesional dalam menjaga dan memastikan akidah umat Islam (Wahab, 2020).

Natijahnya, nilai-nilai Rukun Negara dapat ditegakkan dengan memberi dorongan kepada Masyarakat melalui kesedaran terhadap kesan negatif ideologi (Hasan Bahrom, 2019). Di samping itu, penglibatan masyarakat dalam menegakkan nilai agama dan budaya perlu dilakukan bagi mengelakkan kesan negatif (Idris, 2016).

Secara umumnya, setiap kelompok masyarakat mudah memahami dan menghayati nilai-nilai adat mereka yang juga merupakan tonggak keharmonian sosial dengan cara menyemai kesedaran tentang pengaruh ideologi luar (Wahab, 2020). Muhammad Rashidi Wahab (2018) telah menegaskan bahawa kesan ideologi luar harus diatasi dengan berhati-hati agar tidak merosakkan akidah umat Islam.

### **Kesan Ateisme**

Di dalam bahagian ini, kami memperincikan perbincangan dan analisis berkaitan kesan-kesan yang menyumbang kepada kemunculan permasalahan ateisme yang menyebabkan kecenderungan masalah ini. Antaranya, ialah :

### **Impak Terhadap Individu**

Agama memainkan sebuah peranan yang penting dalam membentuk pendirian dan jati diri seseorang individu. Namun, pegangan ateisme akan memberikan impak-impak yang negatif dan merosakkan akhlak seseorang individu yang mengamalkan kepercayaannya. Antaranya menjejaskan iman atau akidah seseorang.

Pendedahan kepada falsafah ateistik seperti di dalam buku “The God Delusion” yang ditulis oleh Richard Dawkins melalui platform digital mencetuskan keraguan dalam kalangan penganut-penganut agama, terutama sekali bagi individu yang kurang kukuh ilmu agamanya. (Pavita. N, 2024) Selain itu, setiap individu yang keluar dari agama, mereka sentiasa menghadapi stigma sosial dimana-mana mereka berada, sebagai contoh ateism ditekupikan dan dibuang ahli keluarga mereka sendiri atau disisihkan oleh komuniti dan masyarakat.

Laporan mencatatkan peningkatan kes bunuh diri dalam kalangan remaja muda akibat konflik identiti agama kerana sudah dipesongkan fahaman agama mereka dari media media yang mempunyai unsur individualisme (SUHAKAM, 2021). Konflik agama dalam keluarga juga kian meningkat pesat seperti kes ibu bapa Muslim yang menghalau anak ateis keluar dari rumah kerana pemahaman ateismenya yang berlaku di Johor. (Malaysia Now, 2023).

### **Impak Terhadap Masyarakat**

Ateisme mempunyai kesan besar terhadap masyarakat Malaysia, terutama dalam konteks nilai-nilai Rukun Negara. Masyarakat Malaysia pelbagai kaum dan agama adalah berdasarkan prinsip-prinsip ketuhanan dalam kehidupan beragama dan bermasyarakat. Ateism telah mengkritik integrasi sosial dan nilai-nilai moral yang telah lama diterima secara meluas dalam budaya.

Menurut laporan yang diterbitkan oleh Nor Faridah dan Nurhazirah (2021), pemikiran atheis di kalangan belia Islam di Malaysia berpotensi untuk mencetuskan konflik dan ketidakpercayaan dalam masyarakat, terutama di kawasan dengan penduduk majoriti Islam. Ini bukan sahaja memberi kesan kepada individu yang terjejas, tetapi juga



komuniti yang lebih luas, kerana ketidakpercayaan agama boleh membawa kepada masyarakat dan polarisasi antara kumpulan yang memegang kepercayaan agama dan mereka yang menolak kewujudan Tuhan.

Salah satu kesan yang paling menonjol dari ateisme adalah kemungkinan mempengaruhi kewujudan sosial di kalangan pelbagai kaum dan agama. Malaysia adalah negara berbilang agama di mana Islam adalah kepercayaan persekutuan, tetapi agama lain juga dibenarkan untuk diamalkan. Prinsip pertama Rukun Negara, kepercayaan kepada Tuhan, berfungsi sebagai asas moral dan sosioekonomi yang mengikat rakyat dalam tujuan umum. Ateism, yang menafikan kewujudan Tuhan, bertentangan dengan kepercayaan ini dan boleh menyebabkan kekeliruan di kalangan mereka yang mematuhi kepercayaan agama mereka.

### **Impak Terhadap Negara**

Ateisme juga memberi kesan kepada perkembangan negara dalam konteks gabungan dan kestabilan sosial. Malaysia sangat bergantung pada konsep konsep perpaduan antara etnik dan agama untuk memastikan kestabilan politik dan sosial. Prinsip Kesetiaan kepada Raja dan Negara menggambarkan kepentingan perpaduan antara mereka yang menjamin pembangunan negara. Antaranya negara berpecah belah.

Perbezaan pandangan tentang agama sentiasa mencetuskan ketegangan antara kelompok konservatif dan liberal pelbagai pihak, maka Rukun Negara dirangka untuk menyatukan masyarakat Malaysia selepas peristiwa pasca-13 Mei 1969. Sekiranya prinsip pertama dipertikaikan atau diambil ringan, kesannya akan berpotensi menyebabkan kelemahan naratif perpaduan nasional yang sedia ada pada setiap individu. (Harian, 2020)

Selain itu, terdapat parti-parti politik yang tidak berintelektual juga salah menggunakan naratif agama dan memainkan sentimen agama untuk meraih undi, seperti isu "Kristianisasi" atau "Ancaman Liberalisme" dan boleh dipandang sebagai seorang yang menunggang agama Islam jika tidak menyelebelahi parti yang diperjuangkan. (Institut Darul Ehsan, 2023).

Ateisme juga sering dikaitkan dengan kelompok tertentu seperti panggilan "Cina Bandar" atau "Melayu Malas", yang telah mencipta stereotaip yang memburukkan hubungan antara kaum dan bangsa di negara ini. Insiden-insiden seperti penolakan pembinaan kuil Hindu di kawasan majoriti Melayu juga telah mencerminkan ketegangan ini.

### **DAPATAN DAN CADANGAN**

Memandang ke arah kemodenan dan kemajuan negara, permasalahan di dalam fahaman Ateism perlu dibendung dan dilenyapkan. Sewajarnya, perkara ini tidak boleh dipandang enteng dan diambil mudah demi mengekalkan kesejahteraan dan keamanan

negara. Golongan intelektual dan celik dalam dunia moden sememangnya perlu dipupuk sejak azali lagi. Oleh itu, beberapa alternatif boleh dilakukan:

### **Penekanan Didikan Agama**

Tunjang utama dalam menangani masalah Ateisme adalah melalui ibu bapa yang memberi penekanan berkaitan didikan agama bermula sejak kecil. Ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting dalam memupuk nilai murni serta sahsiah anak-anak. Misalnya, ibu bapa disarankan menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama, kelas kafa dan sebagainya mengikut agama dan kepercayaan masing-masing. Pendedahan ini sememangnya mampu memberikan pengetahuan dan pegangan yang kukuh untuk mereka. Selain itu, ia juga mampu mengintegrasikan cara berfikir yang rasional dan tidak terpesong dari landasan agama. Menurut agama Islam, didikan, asuhan dan bimbingan yang terbaik perlu diberikan terhadap anak-anak dan keluarga. Buktinya, Allah SWT berfirman :

*“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluargamu dari neraka yang bahan-bahan bakarnya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras dan kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan”.* (surah Al Tahrim, ayat 6)

### **Mengadakan Rancang Siar**

Berbanding majlis fizikal, kebanyakan generasi muda masa kini lebih tertarik dengan rancangan siar (podcast) yang lebih kepada perbualan santai tetapi menekankan perbualan berkaitan isu-isu penting dan penceritaan berkaitan pengalaman atau pengetahuan seseorang. Peredaran zaman yang melibatkan aplikasi dalam talian seperti Instagram dan TikTok, generasi kini lebih cenderung dan tertarik untuk meluangkan banyak masa untuk bersosial di dalam talian. Peluang ini sewajarnya digunakan sebagai platform yang berkesan untuk memberikan pendedahan dan peringatan terhadap generasi masa kini. Tambahan pula, konteks teguran dan pesanan malah menjadi lebih berkesan apabila dibuat oleh golongan intelektual, berpendidikan dan dikenali ramai. Buktinya, Datuk Prof Dr Muhaya Mohamad mempunyai pengikut seramai 736,000 orang, manakala ahli parlimen Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman mempunyai 2,000,000 pengikut. Pembuktian ini jelas menunjukkan bahawa alternatif ini mampu memberikan kesan dan impak positif untuk memberi pendedahan berkaitan ateisme kepada generasi muda.

### **Sokongan Emosi dan Psikologi**

Terdapat segelintir individu yang terjebak di dalam pemikiran ke arah ateisme berpunca daripada kekecewaan, trauma dan konflik yang menyebabkan mereka tidak lagi percaya dengan kewujudan Tuhan. Misalnya, kekecewaan terhadap harapan yang diletakkan kepada sesuatu perkara seperti mengharapkan kesembuhan ahli keluarga yang sedang tenat, tetapi malangnya meninggal dunia. Kekecewaan yang dirasai boleh menjurus kepada rasa marah dan tidak lagi mempercayai Tuhan itu wujud untuk membantu

hamba-Nya. Oleh itu, golongan ini perlu mendapatkan sokongan emosi dan psikologi dalam bentuk rawatan secara berkala dengan merujuk doktor pakar. Perkara ini tidak boleh diambil ringan kerana ia boleh menyumbang kepada masalah depresi dan tekanan. Sokongan ini perlu diberikan sepenuhnya darida keluarga, rakan-rakan dan masyarakat sekeliling agar dapat membentuk semula kepercayaan dan semangat untuk meneruskan kehidupan.

### **Pendekatan Mencegah**

Pendekatan dalam menangani isu ateisme ini perlu dilaksanakan dengan teliti, menggunakan kewarasan dan penuh dengan kebijaksanaan. Perkara ini tidak boleh diambil remeh dan tidak boleh dilakukan dengan tergesa-gesa, dan tidak boleh juga dijalankan dengan menggunakan kekerasan semata-mata. Alternatif seperti penangkapan atau pemenjaraan terhadap golongan ateisme ini, berkemungkinan memberi kesan yang sementara dalam membendung penyebaran ini terus berlaku pada masa akan datang. Alternatif ini juga didapati kurang efektif kerana kepercayaan dan keyakinan individu tersebut tidak dapat diubah melalui hukuman secara fizikal.

Sebaliknya, memenangi hati mereka dengan cara berbicara dengan mengadakan perbincangan terbuka dengan menggunakan pendekatan dari hati ke hati. Dengan cara ini, ianya dapat menyentuh dari aspek intelektual dan juga rohani individu tersebut. Dalam menangani isu ateisme ini, ianya melibatkan ramai pihak berintelektual. Golongan intelektual ini memainkan peranan yang amat penting dalam menyusun kata-kata, hujah dan cara pemikiran yang bernas untuk mematahkan pandangan ateistik. Bukan itu sahaja, para ulama yang mempunyai ilmu tinggi juga amatlah penting dalam memberikan penjelasan dan pencerahan bersertakan dalil-dalil agama untuk memulihkan kepercayaan mereka yang terpesong. Selain daripada itu, pihak berkuasa seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menyediakan pusat pemulihan akidah, menyediakan ilmu yang cukup untuk golongan ateisme. Pendekatan ini didapati lebih efektif kerana menyentuh akar masalah.

### **Penerapan Nilai Murni Dalam Masyarakat**

Alternatif ini memberi pendekatan penting dalam menangani isu fahaman ateisme ini, khususnya dalam konteks Rukun Negara yang menekankan prinsip “Kesopanan dan Kesusilaan” dan “Kepercayaan kepada Tuhan”. Nilai murni ini terdiri daripada sikap yang positif, hormat-menghormati, tanggungjawab dan amanah. Oleh hal itu, Di peringkat sekolah, anak-anak muda didedahkan dengan pendidikan moral dan sivik untuk menanam sifat murni sejak usia muda. Aktiviti-aktiviti yang diadakan seperti khidmat masyarakat dan program integrasi antara kaum dan agama dapat menguatkan lagi semangat saling memahami.

Kewujudan suasana yang harmoni dalam keluarga juga membentuk pembesaran dan pemahaman anak muda. Sikap positif dari keluarga dapat melahirkan generasi yang sihat dari segi emosi, pemahaman agama, sosial dan juga akademik. Dalam konteks menyekat penyebaran pemahaman ateisme ini, nilai murni ini merupakan salah satu benteng yang kuat dalam jati diri anak muda untuk memastikan mereka tidak mudah

terikut budaya barat, mempunyai kepercayaan yang tinggi dan tidak mudah kehilangan arah hidup. Individu yang membesar dengan nilai murni yang tinggi dan sifat tanggungjawab sosial yang tinggi lebih cenderung untuk mencari kehidupan yang lebih bermakna berlandaskan agama islam. Penerapan awal sifat nilai murni yang tinggi ini merupakan langkah yang penting kerana ianya melibatkan corak peribadi seseorang tersebut.

## **KESIMPULAN**

Kebangkitan ateisme di Malaysia telah memberi kesan buruk kepada asas Rukun Negara, iaitu "Kepercayaan kepada Tuhan." Hal ini kerana prinsip tersebut merupakan asas perpaduan negara dan nilai moral antara pelbagai kumpulan etnik dan agama. Kesannya, nilai-nilai bersama yang menyatukan masyarakat Malaysia berada dalam keadaan terancam disebabkan penyebaran fahaman ateis yang berkembang khususnya dalam kalangan belia melalui media sosial (Wahab, 2020). Justeru itu, pihak yang bertanggungjawab terutamanya warga pendidik dan penggubal undang-undang perlulah giat dalam mengekang fenomena ini agar nilai-nilai Rukun Negara sentiasa terpelihara.

Selanjutnya, kesan buruk ateisme juga meluas kepada perpaduan sosial dan identiti nasional di luar kepercayaan individu. Hal ini menyebabkan tercetusnya ketegangan antara kumpulan yang berbeza apabila falsafah ateisme bertentangan dengan kepercayaan tradisional (Nor Faridah & Nurhazirah, 2021). Natijahnya, kerajaan dan pemimpin agama perlu melaksanakan pelbagai program yang mampu menggalakkan penghayatan dan penghormatan terhadap pegangan agama (Idris, 2016).

Akhir sekali, penyebaran ateisme dapat dikawal melalui pengenalan pendidikan moral dan pembangunan nilai sivik. Hal ini kerana aktiviti berkaitan pendidikan agama dan penyertaan sivik berupaya membentuk identiti dan jati diri bagi golongan belia (Siti Zubaidah Ismail, 2016). Jelaslah bahawa kelahiran generasi yang cintakan warisan budaya dan nilai-nilai Rukun Negara dapat meyakinkan Malaysia bahawa masyarakat berbilang kaum ini akan terus bersatu dan tabah menghadapi cabaran daripada fahaman ateis. Tambahan pula, keutuhan negara dan keharmonian rakyat akan terus terjamin jika nilai "Maruah dan Akhlak" dan "Kepercayaan Kepada Tuhan" dijunjung dengan sepenuh hati.

## **RUJUKAN**

- Baderun, M. H., Khairuddin, W. H., & Mahmood, A. R. (2024). A discourse on the atheism within the Malaysian society. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 21(3). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2103.07>
- Baggini, J. (2003). *Atheism: A very short introduction*. Oxford University Press.
- Dawkins, R. (2006). *The God delusion*. Bantam Books.
- Exequy. (2011, August 25). Diagoras, the atheist of Melos. <https://exequy.wordpress.com/2011/08/25/diagoras-the-atheist-of-melos/>
- Harian, W. S. (2020). Kepercayaan kepada Tuhan bentuk rakyat, Malaysia berdaulat. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/>



- Hikma, N. (2024). Pengaruh globalisasi dan teknologi terhadap nilai dan tradisi masyarakat Malaysia. Kompasiana. <https://www.kompasiana.com/>
- Hussin, Z. K., & Ab Hamid, N. (2022). Gerakan ateis dalam kerangka tafsiran Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan. *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, 5(1). <https://www.al-takamulal-marifi.my/>
- Idris, S. R. (2016). *Diayah di alam siber: Ancaman kepada kesejahteraan gaya hidup Muslim*. Imtiyaz Multimedia & Publications.
- INSTITUT DARUL EHSAN (IDE). (2023). Dewan Negeri Selangor. <https://dewan.selangor.gov.my>
- Itutor. (2021). Maksud prinsip rukun negara & kepentingan. Ipendidikan.my. <https://ipendidikan.my/>
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. (n.d.). Rukun Negara.
- Kamaruddin, S. N. (2020). Pengaruh fahaman ateisme terhadap identiti nasional: Satu analisis dari sudut etika dan moral. *Jurnal Kenegaraan Malaysia*, 12(1), 17–29.
- Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, [2005] CA. *The Malaysian Bar*. <https://www.malaysianbar.org.my/>
- Mohamed Azam Mohamed Adil. (2016). *Undang-undang kawalan pengembangan agama bukan Islam di Malaysia: Penguatkuasaan bagi kes pengembangan agama bukan Islam di alam siber*. Imtiyaz Multimedia & Publications.
- Mohd Roslan, M. N., Zaini, N., Mohd Aizat, J., & Mohd Izhar Ariff, M. K. (2017). Pemikiran ateisme dan ancaman terhadap aqidah umat Islam di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 9(1), 25–36.
- Musa, N. A., & Shah, H. A. R. (2020). The spread of ideology against Islamic faith in the social media from legal and Syariah perspectives in Malaysia. *Perdana: International Journal of Academic Research (Social Sciences & Humanities)*, 9(1), 24–35. <http://perdanajournal.com/>
- Nor Faridah, A. M., & Nurhazirah, H. (2021). Ateisme dalam kalangan belia Muslim di Malaysia: Cabaran dan pendekatan dakwah. *Jurnal Al-Tamaddun*, 16(1), 77–88.
- Norhalimah Ahmad. (2009). *Rukun Negara Malaysia dalam perspektif ketatanegaraan Islam*. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Pavita, V. (2024). Dampak globalisasi terhadap masyarakat digital. Kompasiana. <https://www.kompasiana.com/>
- Siti Zubaidah Ismail. (2016). *Aplikasi undang-undang jenayah Syariah di Malaysia dalam membendung jenayah Syariah di alam siber*. Imtiyaz Multimedia & Publications.
- SUHAKAM. (2021). Annual reports.
- UMNO Online. (2020). Kepercayaan kepada Tuhan bentuk rakyat, Malaysia berdaulat. <https://umno-online.my/>
- Wahab, M. R. (2020). *Ateisme: Satu penelitian awal*. Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Yusof, N., & Hashim, R. (2020). Ateisme dan cabaran terhadap Rukun Negara: Satu tinjauan awal. *Jurnal Sosial dan Kemanusiaan*, 18(1), 33–41.